

Kerajaan kaji perkenal cukai baru selepas Afta

BH 26 JAN 2002
Oleh Kadir Dikoh
dan Rahman Hashim

KERAJAAN sedang mengkaji kemungkinan memperkenalkan beberapa cukai baru bagi menampung kekurangan pendapatan akibat pengurangan kutipan duti import apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dilaksanakan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, apabila Afta dan WTO dilaksanakan nanti kerajaan perlu mematuhi syarat mengurangkan duti import yang dikenakan ter-

Kerajaan perlu memikirkan cara lain bagi menampung pengurangan dalam pendapatannya

hadap barangan yang diimport ke negara ini.

Beliau berkata, oleh kerana kerajaan kini memperoleh pendapatan yang tinggi daripada kutipan duti import, kerajaan perlu memikirkan cara lain bagi menampung pengurangan dalam pendapatannya.

"Bila ada Afta dan WTO, kita terpaksa kurangkan duti import, tetapi kita kutip banyak daripada duti import ini. Kalau tak ada duti import, kerajaan tak ada pun-

ca pendapatan.

"Jadi kita kena fikir cara lain," katanya selepas melancarkan Sambutan Hari Kastam Sedunia ke-20 di Melaka semalam.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Abdul Halil Abdul Mutalib.

Ditanya mengenai kemungkinan kerajaan menswastakan perkhidmatan kutipan

cukai yang kini dikendalikan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan tidak bercadang berbuat demikian.

"Tak tahulah jika pemimpin selepas saya akan berbuat demikian (menswastakan kutipan cukai) tapi setakat ini kerajaan belum buat apa-apa keputusan," katanya.

Sebelum itu, ketika berucap pada majlis itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan berterima kasih kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam kerana menjalankan tugas dengan penuh wibawa, sekali gus membantu meningkatkan pendapatan negara.

"Apabila pendapatan melalui kutipan cukai bertambah, kerajaan dapat membayar upah yang lebih tinggi kepada kakitangan awam selain mampu menyediakan pelbagai kemudahan lain untuk masyarakat," katanya.

Beliau menegaskan, kerajaan sedar bukan semua kakitangan awam, termasuk Jabatan Kastam yang terabit dalam rasuah serta penyalahgunaan kuasa tetapi disebabkan tindakan sege-lintir yang tidak bertanggungjawab, ia menjejaskan nama baik semua kakitangan kerajaan.

Dr Mahathir berkata, beliau mengakui undang-undang yang ada tidak mam-

pu menghapuskan rasuah sepenuhnya.

Beliau berkata, bagaimanapun gejala itu boleh dicegah berdasarkan kesedaran kakitangan itu sendiri.

"Mereka yang mempunyai integriti terhadap diri sendiri dan negara, tidak akan melakukan rasuah atau terabit dengan penyalahgunaan kuasa.

"Bagi mereka yang kerap mengamalkan perbuatan itu, ada saja cara yang difikirkan untuk terus melakukan rasuah. Tetapi perbuatan mereka boleh dikesan dan mereka yang bekerja sebagai pegawai tinggi kerajaan mungkin akan menjadi banduan," katanya.